

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 30 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1311-L16677
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) harga rumah di sekitar bandar-bandar besar melambung tinggi dan menyebabkan golongan pertengahan sering menghadapi kesukaran membeli hartanah. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengawal harga-harga rumah ini dan adakah mekanisme atau badan untuk mengawal dan memantau harga-harga rumah diwujudkan; dan
 - (a) penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos rendah terutamanya amat tidak memuaskan hati penghuni-penghuni di rumah pangsa tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
2. PN-1311-L16732
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah kuil, tokong dan gereja yang didirikan di atas tanah Kerajaan atau tanah persendirian secara tanpa izin, dan sama ada mereka ini diperuntukkan tanah rumah ibadat oleh Pejabat Tanah dan Galian sebelum pihak penguasa ambil tindakan pengosongan tapak.
3. PN-1311-L16811
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Kerajaan supaya dapat menyelaraskan kenaikan pencen-pencen kakitangan Telekom yang diberi persaraan pilihan kepada kakitangannya, mohon selaraskan dengan kakitangan lain yang menerima pencen sekurangnya RM750 pada setiap bulan.
4. PN-1311-L16259
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah sambutan Program Satu Azam (1AZAM) di seluruh negara dan bagaimana sambutan program tersebut di kalangan kaum India.

5. PN-1311-L16884
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan ekonomi, sosiobudaya, dan keselamatan yang kini dialami oleh masyarakat Lahad Datu akibat pencerobohan oleh kaum Sulu baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
6. PN-1311-L16839
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Malaysia akan menjadi tuan rumah Sukan SEA pada 2017 selepas 16 tahun tidak menjadi tuan rumah di mana kali terakhir negara menjadi tuan rumah pada 2001, daripada segi peruntukan, berapakah jumlah yang dijangka digunakan untuk penganguran tersebut dan apakah persediaan yang akan dilakukan oleh Kerajaan di bawah Kementerian untuk memastikan persiapan bukan sahaja daripada infrastruktur dan persiapan atlit bagi memastikan Malaysia muncul sebagai pengangur terbaik dan juara keseluruhan.
7. PN-1311-L16479
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bercadang mengambil tindakan undang-undang ke atas parti politik atau individu yang membuat tuduhan palsu dan fitnah ke atasnya sebelum dan selepas PRU-13, termasuk kemasukan 40,000 pengundi hantu daripada Bangladesh.
8. PN-1311-L16321
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membendung peningkatan sebanyak 15 peratus setahun pengidap kencing manis atau diabetes membabitkan individu berumur 30 tahun ke atas di negara ini sehingga bakal menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai pengidap kencing manis paling tinggi di Asia Tenggara iaitu seramai 3.6 juta orang dalam tempoh empat tahun lagi.
9. PN-1311-L16189
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kali terakhir Kerajaan mengkaji semula pendapatan garis kemiskinan (PGK) di bandar dan di luar bandar supaya ia lebih realistik dengan keadaan semasa dan apakah program-program terbaru Kerajaan dalam membantu golongan ini.
10. PN-1311-L16393
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan atas dasar apakah pengecualian diberikan kepada sejumlah 400 buah syarikat dari melaksanakan Perintah Gaji Minimum yang sepatutnya dilaksanakan pada kadar segera.
11. PN-1311-L16662
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada program jalan ladang masih diteruskan di Sarawak, dan apakah syarat yang dikenakan untuk memohon jalan-jalan ladang.

12. PN-1311-L16564
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan terdapat kes-kes di mana perempuan meninggal dunia akibat pembedahan kosmetik yang tidak berjaya. Adakah doktor-doktor yang menjalani pembedahan ini didaftar dengan Kementerian. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk memastikan tidak ada kematian akibat daripada pembedahan kosmetik yang gagal.
13. PN-1311-L16367
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan kes pembantu asing lari daripada majikan yang dilaporkan dan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan masalah pembantu rumah asing yang lari sebelum tamat tempoh kontrak dengan majikan tidak berbayar mencecah 1.5%.
14. PN-1311-L16617
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai pelaksanaan projek pembesaran Empangan Mengkuang di negeri Pulau Pinang, termasuk masalah-masalah dan usaha penyelesaian, kedudukan kewangan dan sebagainya. Adakah Kerajaan Negeri telah dan sedang memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan projek ini.
15. PN-1311-L16837
Datuk Jamilah Sulaiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk menghalang pihak-pihak yang memperalatkan pelajar tahniz bagi mengutip derma atau menjual barang dengan menyalah guna nama Pertubuhan Kebajikan Pelajar-Pelajar Tahniz Malaysia (TAHFIZ).
16. PN-1311-L16793
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam usaha meningkatkan daya saing negara melalui kaedah penggalakan kegiatan ekonomi bernilai tambah serta inovatif.
17. PN-1311-L16466
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia mempunyai sebarang rancangan untuk mengurangkan pergantungan negara atas buruh asing. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa warga Malaysia diberi keutamaan untuk pekerjaan di negara ini.
18. PN-1311-L16511
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah isi rumah yang membuat pinjaman kepada bukan bank (Institusi Kewangan lain termasuk Ah Long) dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini yang semakin berleluasa.

19. PN-1311-L16601
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan:-
- (a) apakah faktor-faktor penyebab harga barang harian di Labuan masih tinggi di sebalik subsidi caj pengangkutan 50 peratus yang dihulurkan oleh Kerajaan pusat bagi menampung caj kos pengangkutan; dan
- (b) apakah pelan tindakan Kementerian bagi mengatasi isu ini.
20. PN-1311-L16851
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setelah melonggarkan syarat pembayaran balik PTPTN apakah ada peningkatan dalam pembayaran pinjaman PTPTN. Berapakah jumlah peratus kutipan yang telah diterima setelah kelonggaran syarat pembayaran baru-baru ini.
21. PN-1311-L16526
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah wujud rancangan bagi pembinaan lebuh raya di negeri Sarawak. Mengapakah jumlah lebuh raya di sana sangat kurang berbanding dengan Semenanjung Malaysia.
22. PN-1311-L16917
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan untuk mencapai aspirasi negara menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia perlu mengukuhkan budaya inovasi sains dalam semua peringkat ekonomi dan masyarakat. Apakah pendekatan atau langkah yang sedang dan akan dilaksanakan pihak Kerajaan Barisan Nasional dalam perkara tersebut.
23. PN-1311-L16435
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan walaupun banyak usaha dan bantuan oleh Kerajaan, tapi pada hakikatnya masih ramai petani dan nelayan yang susah. Kerajaan harus menyediakan satu perancangan dan pembangunan untuk masa depan golongan ini seperti yang disediakan untuk peneroka FELDA supaya mereka boleh sama-sama meraih keuntungan dan kesenangan apabila Malaysia menjurus menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada 2020 nanti.
24. PN-1311-L16903
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman yang sudah dikeluarkan melalui sistem AES dari tarikh awal perlaksanaannya sehingga setakat Jun 2013 serta kedudukan arahan penangguhan tindakan terhadap saman-saman tersebut sewaktu kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 dilaksanakan.

25. PN-1311-L16574
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai rancangan untuk menyediakan laluan atau pun jalan khas bagi penunggang-penunggang motosikal di Bandaraya Kuala Lumpur.
26. PN-1311-L16360
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khusus kepada masyarakat minoriti bagi tujuan membangun dan memajukan masyarakat berkenaan dalam Belanjawan akan datang.
27. PN-1311-L16691
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan mengenai isu *trend* pembantu rumah Indonesia yang lari dari rumah majikan selepas 7 atau 8 bulan bekerja yang menyebabkan kos pengambilan pembantu rumah menjadi tinggi dan membebankan majikan.
28. PN-1311-L16520
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tahap pencapaian Program Malaysia *My Second Home*. Berapakah bilangan warga asing yang telah didaftar dengan jayanya, mengikut negara, dan mengikut tahun.
29. PN-1311-L16630
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
(a) apakah trend peningkatan hutang isi rumah di Malaysia sejak 5 tahun yang lepas dan adakah Malaysia akan menghadapi krisis kredit jika peningkatan hutang isi rumah terus berlaku; dan
(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani peningkatan hutang isi rumah selepas nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sehingga 80 peratus pada tahun 2012 dan pinjaman isi rumah
30. PN-1311-L16552
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan Kementerian bahawa prestasi dan pemahaman pelajar sekolah serta di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak terjejas selepas penggabungan pelan pendidikan di bawah 2 Kementerian yang telah digabungkan selesai dan dilaksanakan secara menyeluruh.
31. PN-1311-L16825
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dengan pembabitan Kerajaan dalam proses damai di antara puak yang bersengketa dengan Kerajaan setempat di Selatan Filipina dan juga di Selatan Thailand secara tidak langsung memberi "spill over effect" kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

32. PN-1311-L16483
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat ini pembekalan ubat-ubatan ke hospital dan klinik Kerajaan diurus oleh satu pembekal sahaja. Maka kos ubat-ubatan ini adalah tinggi. Jadi adakah Kerajaan sedang menimbang dasar tender terbuka untuk pembekal perubatan supaya kos dapat dikurangkan dan mutu ubat-ubatan dapat dijamin.
33. PN-1311-L16618
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah anggaran kos dan bilakah projek krematorium yang telah diumumkan dapat untuk dilaksanakan di kawasan Sentul, Kuala Lumpur supaya menggantikan cara pembakaran mayat yang lama. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan ini.
34. PN-1311-L16322
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan jabatan khusus sebagai pusat sehenti bagi menangani isu pekerja dan menyelesaikan tunggakan levi kira-kira 500,000 pekerja asing di negara ini.
35. PN-1311-L16871
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan yang telah dirangka di peringkat Kementerian untuk menarik pelancong ke negeri Kelantan dan untuk persediaan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.
36. PN-1311-L16429
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, apakah usaha-usaha transformasi SPRM yang diinisiatifkan oleh NKRA Membanteras Rasuah dan apakah pengiktirafan SPRM di arena antarabangsa.
37. PN-1311-L16214
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang bakal dirancang untuk membina jalan raya di sepanjang pesisir pantai timur negeri Sabah bagi memudahkan pemantauan keselamatan dan tindakan pertahanan yang lebih efektif.
38. PN-1311-L16538
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang masih dalam pembinaan, runtuh baru-baru ini dan apakah hasil kajian mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) dan amalan baik dalam sektor pembinaan negara yang dijalankan oleh 11 orang pakar tempatan baru-baru ini.
39. PN-1311-L16593
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang sedia ada agar rakyat di negara ini yang memburukkan negara dalam mahu pun luar negara, bakal berhadapan dengan hukuman keras, sebagaimana diamalkan oleh negara jiran, Singapura.

40. PN-1311-L16719
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam bidang perubatan di luar negara yang memohon untuk Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) dan berapakah telah diluluskan. Dalam keadaan apakah penerimaan SSLN diperlukan.
41. PN-1311-L16673
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan kebanjiran produk-produk tiruan terutamanya dari negara China seperti alat-alat ganti kenderaan, minyak pelincir dan lain-lain semakin berleluasa. Keadaan ini mendatangkan kesukaran kepada pengguna yang sering tertipu dan juga mendatangkan bahaya kepada nyawa pemandu. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi masalah ini.
42. PN-1311-L16754
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan pengetahuan pelajar dalam sejarah negara khususnya supaya mereka menghargai sejarah dan seterusnya mencintai negara.
43. PN-1311-L16720
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat untuk sesebuah syarikat memohon pekerja asing. Apakah sektor-sektor yang dibenarkan untuk pekerja asing dan bagi sektor perkhidmatan, jelaskan jenis pekerjaan yang boleh memohon mendapatkan pekerja asing.
44. PN-1311-L16666
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah rancangan untuk membina sebatang jalan untuk menghubungi Marudi ke Long Lama, Baram, Sarawak akan bermula supaya kegiatan sosio-ekonomi kawasan Baram dapat di perhebatkan.
45. PN-1311-L16323
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk mewujudkan sistem persekolahan satu aliran bagi membentuk perpaduan selain mewujudkan interaksi berbilang kaum terutama generasi muda di negara ini.
46. PN-1311-L16416
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan insiden Lahad Datu telah mengejutkan negara tetapi juga a *wake-up call* tentang anasir-anasir *subversive* yang menular dalam negara dari golongan-golongan pendatang, ahli masyarakat yang biasa yang di anggap warga negara kita. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjelaskan kumpulan ini supaya keselamatan negara dapat terjamin.
47. PN-1311-L16818
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian melonjakkan semula ranking dua sukan utama tanah air iaitu sukan bola sepak dan sukan badminton sebelum ia terus mengalami kemerosotan dan kehilangan sokongan daripada kalangan peminat tempatan.

48. PN-1311-L16227

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) pelan/projek perumahan yang dicadangkan di masa akan datang untuk menangani masalah ketidakcukupan atau kekurangan rumah yang diperlukan oleh rakyat di negara ini; dan
- (b) apakah jenis-jenis perumahan yang sedang dan akan dibina untuk golongan rakyat yang dianggap miskin tegar, miskin dan sederhana.

49. PN-1311-L16544

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian bakal mengumumkan penahanan dalang di sebalik insiden pencerobohan di Lahad Datu selepas Kerajaan Filipina mengumumkan bakal mengenakan tindakan ke atas ketua pengganas Jamarul Kiram III.

50. PN-1311-L16345

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pelancong yang datang ke Malaysia pada tahun lalu, dan jumlah pelancong yang disasarkan pada tahun ini dan tahun depan, serta persediaan yang dilakukan bagi mengadakan program Tahun Melawat Malaysia 2014.

51. PN-1311-L16640

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan Malaysia telah memberi grant R&D dalam bidang *Cryptography Hardware Based*; dan
- (b) apakah produk-produk yang telah dikeluarkan di Malaysia yang telah menggunakan teknologi *Cryptography Hardware Based*.

52. PN-1311-L16740

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pihak bank dibenarkan melantik samseng atau agen yang menggunakan perkataan kasar ke atas pelanggan semasa mengutip hutang kad kredit dan sebagainya.

53. PN-1311-L16463

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan yang mengatakan ramai di kalangan guru menyokong parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang lalu.

54. PN-1311-L16794
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan litar CCTV dalam semua lokap, penjara dan bilik soal-siasat polis. Jika ya, seberapa cepat akan perkara tersebut dilaksanakan.
55. PN-1311-L16286
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya masalah-masalah birokrasi/komunikasi antara DBKL, JAWI dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dapat diselesaikan untuk memastikan kelancaran pembinaan masjid di kawasan Brickfield yang rancangan pembinaannya telah diluluskan hampir dua tahun yang lalu, tetapi hingga saat ini pelaksanaannya masih kurang lancar.
56. PN-1311-L16269
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan menggabungkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mampu membentuk sinergi lebih mantap dalam sistem pembelajaran dan pengajaran serta melahirkan modal insan negara yang lebih berkebolehan.
57. PN-1311-L16895
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan mengenai kedudukan subsidi gas asli serta adakah Kerajaan berhasrat ingin mengurangkan eksport LNG dari Sarawak yang dapat menjana pulangan eksport yang tinggi untuk dibekalkan kepada segelintir syarikat yang bernasib baik dari sektor korporat di Semenanjung Malaysia pada paras harga subsidi yang jauh lebih rendah dari harga pasaran dunia.
58. PN-1311-L16267
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Program B 10 dalam meningkatkan industri biodiesel negara dan nyatakan sejauh manakah B 10 dapat mengimbangi harga diesel di pasaran.
59. PN-1311-L16753
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kakitangan dan pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tempoh 2010 dan nyatakan bilangan yang meletakkan jawatan serta nyatakan bayaran ganjaran (*graduity*) yang telah dibayar bagi tempoh yang sama.
60. PN-1311-L16703
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggubal Rang Undang-undang terhadap perbuatan menghina institusi raja, kerana perbuatan seperti itu tidak boleh dibiarkan lagi. Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang lebih tegas, kerana perbuatan itu boleh membahayakan keamanan negara.

61. PN-1311-L16350
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini perbincangan dalam Jawatankuasa Khas Mengkaji Pemberian Tunai Daripada Hasil Petroleum Negeri-negeri di Pantai Timur khususnya bagi negeri Kelantan.
62. PN-1311-L16510
Puan Chew Lee Giok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan tentang rancangan untuk memansuhkan hukuman mati. Adakah wajar sekiranya pembunuhan dan pengedar dadah berbahaya yang disabit kesalahan tidak dikenakan hukuman mati.
63. PN-1311-L16268
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sistem percukaian lebih cekap dan adil serta dapat membantu golongan berpendapatan rendah.
64. PN-1311-L16752
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah bagi mengawal kewujudan badan bukan Kerajaan (NGO) yang menanamkan pemikiran liberal dalam kalangan generasi muda supaya tidak menjadi ancaman terhadap masa depan negara.
65. PN-1311-L16418
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian menerapkan elemen kreatif dan inovatif dalam penghasilan produk francais tempatan bagi memastikan kesinambungan usaha niaga mereka setanding jenama antarabangsa.
66. PN-1311-L16375
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur permohonan dan dokumen yang diperlukan untuk proses menukar status agama Islam kepada agama lain dan daripada tahun 2008 hingga 2012 dan berapa bilangan yang telah diluluskan untuk menukar status agama Islam kepada agama lain.
67. PN-1311-L16402
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah tidak terdapat senarai lengkap nama dan butiran kesatuan-kesatuan pekerja di Malaysia dalam Laman Sesawang Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Bilakah butiran tersebut akan dimasukkan ke dalam Laman Sesawang JHEKS.
68. PN-1311-L16651
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan ASTRO sebagai stesen TV berbayar harus memberi peluang kepada pelanggannya untuk memilih rangkaian yang ingin dilanggan oleh mereka kerana mereka membayar untuk mendapatkan perkhidmatan rangkaian-rangkaian yang diminati bukannya memaksa pelanggan memilih pakej-pakej yang dibentuk oleh ASTRO dan ini membebankan pelanggan. Apakah tindakan Kementerian dalam perkara ini.

69. PN-1311-L16778

Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa kali dan di kawasan mana serangan udara disasarkan ke atas pemberontak Suluk dan berapa orang berjaya dibunuh dalam tiap-tiap sasaran. Benarkah ada anggota tentera Malaysia yang turut terkorban akibatnya.

70. PN-1311-L16310

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina hospital baru di Selangor dan sekiranya ya, manakah tempat yang dicadangkan dan bilakah ia akan dibina.

71. PN-1311-L16879

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah pengguna tegar bas ekspres seluruh negara yang melahirkan perasaan gelisah mereka terhadap permohonan pihak Persatuan Perusahaan Bas Seluruh Malaysia meminta Kerajaan menaikkan tambang bas bagi mengelak syarikat terbabit mengalami kerugian.

72. PN-1311-L16488

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peniaga Bumiputera dan jumlah peniaga asing yang menjalankan perniagaan di Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Borong Selayang Lama serta pasar-pasar borong di seluruh negeri. Nyatakan juga apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kebanjiran peniaga asing di pasar berkenaan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (29 Julai, 2013)

- | | | | |
|----|----------------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------------|---|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

3. PN-1311-U16251

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini.”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. PN-1311-U16252

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara.”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1311-U16256

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

6. PN-1311-U16257

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[Menteri Sumber Manusia]

7. PN-1311-U16387

Dato' Boon Som a/l Inong akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elauan dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran.

Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]